

**Sekolah-sekolah Cina Akan Kekal – Muhyiddin  
Bernama  
09 November, 2012**

SERI KEMBANGAN, 9 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin Jumaat mengulangi jaminannya bahawa sekolah-sekolah Cina akan kekal dan kerajaan Barisan Nasional (BN) akan terus membantu pembangunan sekolah itu.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran berkata, kerajaan BN akan terus membantu sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan kepada keperluan sebenar masyarakat itu.

"Ia merupakan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin terdahulu dan sekarang bahawa bukan sahaja pendidikan Cina dipelihara tetapi ia juga menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan," katanya ketika merasmikan Pesta Buku Cina Sedunia ke-14 di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Mines di sini.

Turut hadir Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr Wee Ka Siong dan pengasas Country Heights Holdings Berhad Tan Sri Lee Kim Yew.

Muhyiddin menegaskan bahawa kerajaan sentiasa komited bagi meningkatkan kualiti pendidikan di semua sekolah tanpa mengira jenis sekolah.

Sehubungan itu, beliau berharap masyarakat Cina tidak akan mudah terpedaya dengan agenda sesetengah pihak yang suka mempolitikkan pendidikan untuk kepentingan politik mereka yang sempit.

"Jangan kita biarkan masa depan anak-anak kita dan masa depan negara kita yang hebat terjejas, hanya semata-mata kerana kepentingan politik mereka yang sempit.

"Pada masa sama, kita jangan lupa peranan pendidikan sebagai satu cara untuk menyatupadukan semua kaum. Marilah kita jadikan semua sekolah di negara ini sebagai sekolah-sekolah perpaduan, di mana kanak-kanak dari semua kaum bergaul mesra, belajar untuk menerima perbezaan dan menghormati antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata tiada sebab untuk tidak meneruskan usaha membangunkan negara atas dasar persefahaman, toleransi dan menghormati masyarakat pelbagai budaya yang telah menyumbang kepada pembangunan negara seperti yang ada hari ini.

Muhyiddin juga menegaskan bahawa semua rakyat Malaysia perlu banyak membaca untuk bersaing dengan negara-negara maju.

Jika tidak, Malaysia berdepan risiko hilang daya saingnya dan ketinggalan dalam perlumbaan global bagi mendapatkan pengetahuan, kemahiran dan kekayaan baru.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708354>